

27/10/2003

Jangan jadi proksi musuh Melayu

Dr Azman Rauzan

HARI ini umat Islam di negara ini mula berpuasa. Semoga bukan saja berpuasa dengan menahan lapar dan dahaga, tetapi berpuasa daripada semua perkara yang merugikan.

Selalunya ia mampu dilakukan kerana seingat penulis apabila tiba Ramadan, suasana kehidupan harian dan sikap bermasyarakat tiba-tiba berubah.

Kegiatan di masjid menjadi meriah, jemaah tekun beribadat, ada moreh lepas sembahyang tarawih dan di situlah keakraban dan kemesraan di kalangan jemaah menjadi semakin erat.

Begitulah kita insan yang lemah, puasa pada Ramadan selalunya membantu kita mengawal diri. Hikmah Ramadan seringnya membuatkan kita lebih tenang, lebih redha, lebih kerap mengingati Allah dan lebih khusyuk dalam ibadat.

Dalam jiwa yang lebih tenang, perasaan hati yang lebih bersih, eloklah kita berhenti sejenak untuk berfikir dan menoleh ke belakang untuk melihat

diri kita, bangsa kita, saudara seagama kita dan negara kita.

Sesungguhnya Ramadan al Mubarak adalah Bulan Allah yang penuh dengan keberkatan dan kemuliaan. Bulan ini harus dijadikan bulan untuk kita, umat

Islam bermuhasabah diri.

Muhasabah terhadap diri sendiri sebagai ketua keluarga di rumah, sebagai pemimpin organisasi seperti di tempat kerja, dalam masyarakat, sebagai umat Islam di sebuah negara yang majmuk penduduknya dan survival masa depan umat Islam.

Baru-baru ini, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berterus terang mengenai ancaman dihadapi umat Islam. Sebelum ini pun beliau sudah menyebutnya di merata tempat, setiap kali ada peluang. Cuma kali ini lebih jelas khusus terhadap mainan Yahudi - musuh nombor satu umat Islam.

Yahudi, kaum yang kecil, tetapi dengan akal dan kekuatan satu padunya, mampu menguasai dunia dengan menjadikan Amerika Syarikat (AS) dan Eropah sebagai proksi mereka. Itu fakta sejarah, yang jelas lagi terang.

Itu sebab mereka yang makan cili berasa pedasnya, hingga melatah, termasuklah Presiden Bush - proksi utama Yahudi. Kekejaman Yahudi terhadap

orang Islam, apa yang AS kata dan lakukan terhadap umat Islam, jelas mereka anti-Islam.

Kelantangan Perdana Menteri kita nampaknya memulakan gelombang kebencian dunia terhadap AS, Yahudi dan juga regim Zionis.

Bush dalam lawatannya ke Asia baru-baru ini, pasti tersedar sudah ada keberanian menunjukkan kebencian terhadap dirinya dan negaranya. Keegoannya mula tercabar. Keangkuhannya mula merudum. Malah tidak keterlaluan kalau penulis boleh mengibaratkannya sebagai bakal menjadi spesies yang paling dibenci selepas Hitler.

Di Thailand berlaku tunjuk perasaan secara besar-besaran sehinggakan

rohnya dimasukkan ke dalam botol dan di campakkan ke dalam sungai. Di Bali

juga berlaku tunjuk perasaan dan lebih memalukannya apabila beliau 'diganggu' dua kali ketika berucap di Parlimen Australia.

Apakah ini tanda-tanda AS sekarang berada pada permulaan kejatuhan sebagai satu kuasa besar dunia?

Penulis bersyukur apabila, pemimpin pembangkang yang beragama Islam seperti Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat dan Datuk Seri Abdul Hadi Awang dan akhir sekali, Datuk Kamarudin Jaafar, memberikan sokongan terbuka terhadap

Dr Mahathir mengenai ucapan yang berterus terang mengenai Yahudi.

Jadi, kita semua memang sedar, atau kita semua disedarkan. Lantas, apakah usaha kita?

Sebenarnya kekuatan yang tiada tolok bandingnya yang ada pada umat Islam

ialah agama Islam itu sendiri. Inilah 'senjata' yang paling ampuh sejak zaman Nabi Muhamad saw lagi, apabila kita berjihad dengan agama.

Jihad umat Islam bukanlah jihad berperang saja, sebagaimana yang difahami oleh orang bukan Islam dan sesetengah umat Islam sendiri, tetapi

lebih penting ialah jihad yang bermula dari dalam diri setiap penganut Islam.

Kita selalu menyebut, Bersatu Teguh Bercerai Roboh, Bulat Air Kerana Pembetung, Bulat Manusia Kerana Muafakat. Tetapi pernah ke kita terfikir bahawa hakikat orang Melayu pada hari ini, adalah sebaliknya.

Mengapa keadaan ini boleh berlaku? Dan adakah ia benar-benar berlaku (Perpecahan umat Melayu)? Baik kita bertanya pada diri masing-masing mengenai persoalan ini agar kita boleh menoleh ke belakang bagi menembusi masa depan.

Siapa Melayu masa lalu dan siapa Melayu pada hari esok? Sudahkah orang Melayu mula berfikir mengenai masa depan dan iltizam untuk membina bangsa

bermaruah yang boleh dihormati oleh bangsa lain di seluruh dunia?

Persoalan-persoalan ini memerlukan kita untuk berfikir. Kita harus sedar, kejatuhan kerajaan Melayu pada masa lalu, adalah akibat sengketa sesama keluarga raja, di kalangan pembesar Melayu, yang akhirnya membuka laluan kemasukan kuasa penjajah.

Natijahnya, semua negeri di Tanah Melayu jatuh ke tangan British dan orang Melayu termasuk raja-rajanya, pembesar-pembesarnya terpaksa tunduk di bawah penjajah British.

Akhirnya Melayu yang putih mata kerana pemimpin Melayu sendiri yang rakus dan haloba, bersengketa sesama sendiri tanpa menyedari pihak-pihak lain mencari kesempatan dalam kesempitan Melayu.

Selepas 450 tahun menjadi hamba di negara sendiri, kita terkial-kial mendapatkan semula kuasa untuk berkerajaan sendiri.

Sekarang, mampukah kita kehilangan kuasa lagi? Lebih-lebih lagi hilang kuasa kerana masalah Melayu tidak berpadu sesama Melayu.

Ini tanggungjawab setiap orang Melayu, tugas setiap pemimpin masyarakat,

pentadbir, pemimpin parti, tidak kira sesama dalam parti pemerintah mahupun di kalangan pembangkang, dan lebih utama di antara Umno dan Pas.

Kita harus sedar bahawa pergelutan antara Umno dan Pas melemahkan kekuatan politik dan kekuasaan Melayu. Kedua-dua parti itu mendapat

sokongan terbesar dari kalangan orang Melayu di kawasan luar bandar dan di negeri majoriti penduduk Melayu.

Pihak lain bertepuk tangan melihat Umno dan Pas hancur-menghancur di antara satu sama lain. Nampaknya golongan yang mahu meminggirkan Melayu tidak perlu bersusah payah untuk menghakis kuasa Melayu.

Kalau Amerika dan Eropah jadi proksi Yahudi, jangan sampai orang Melayu, tanpa disedari, akibat kepentingan diri keinginan kuasa, jadi proksi kepada pihak lain pula.

Jika itu berlaku, inilah tragedi politik Melayu. Pemimpin Umno dan Pas harus sedar dan kembali ke pangkal jalan untuk mengukuhkan perpaduan ummah

bagi menjaga kepentingan bangsa, agama dan negara.

Kalau kedua-duanya terus `berperang', Melayu akan hancur dan Islam akan gerhana di bumi Melayu. Jangan jadikan permusuhan politik antara Umno dan Pas sebagai seteru seumur hidup tanpa melihat implikasinya yang lebih besar.

Ingatlah asas politik dalam Islam ditunjangi empat perkara - pertama, menjaga agama; kedua, memelihara maruah dan kehormatan bangsa; ketiga, memelihara harta benda; dan keempat menjaga keluarga dan keselamatan.

Bagaimanapun kadang-kadang orang Melayu lupa. Kita lupa akan tujuan asal

kita berpolitik, lantas hidup dalam budaya politik yang hanya akan menjadikan bangsa Melayu mashyur dengan historical romanticism.

Seronok dengan kecemerlangan silam dan hanya mampu mengagung-agungkan sejarah kegemilangan lalu. Berbangga dengan empayar Melaka dan mendengar sejarah kebangkitan dan kehebatan orang Islam yang berjaya menguasai hampir tiga perempat dunia, satu ketika dulu.

Sikap biar putih mata, jangan putih tulang untuk menghancurkan sesama Melayu dan Islam, antara Umno dan Pas tidak menguntungkan sesiapa, kecuali

musuh sebenar kedua-duanya. Walhal kita ada cabaran untuk mewujudkan satu

lagi kebangkitan kegemilangan Melayu-Islam.

Penulis ingin berkongsi bersama dua bait puisi yang cukup menarik dan menginsafkan yang dipetik dari - Dalam Ilmu Mengarang Melayu karya Pendita

Za'ba.

Kalau kita ditanya orang
Kemudi manusia apakah gerangan
Berilah jawapan dengan terang
Akal, akal, akal, akal
Kalau kita lagi ditanya
Haluan manusia apa dianya
Berilah jawapan yang sempurna
Hati, hati, hati, hati

Akhir kata, marilah kita sama-sama menjadikan Ramadan sebagai bulan perpaduan umat Islam. Ketepikan yang keruh dan ambil yang jernih.

Jika bangsa Melayu boleh berpadu dengan erti kata yang sebenar, penuh kejujuran dan keikhlasan, berpaksikan budi dan akal, percayalah zaman kegemilangan dan keunggulan sebuah bangsa yang bernama Melayu akan

menjelma sedikit waktu lagi. Selamat berpuasa.